

BUKU-BUKU SASTERA TERBITAN DBP
SARAWAK 1988 – 1998:
PENERIMAAN DAN KEDUDUKANNYA DI SARAWAK

HAZAMI BIN JAHARI
(AGB 98027)



DISERTASI INI DISEDIAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT IJAZAH SARJANA SASTERA
JABATAN PENGAJIAN MEDIA
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2000/2001

Abstrak

Minat masyarakat terhadap sastera dilihat mulai berkurangan. Masyarakat kelihatan tidak lagi memahami dan mengagumi kepentingan sastera dalam pembentukan minda bangsa. Perkara ini banyak di pengaruhi oleh peningkatan taraf hidup masyarakat, media hiburan yang pelbagai serta dasar-dasar kerajaan. Kajian ini melihat semula kedudukan sebenar bidang sastera dalam kehidupan seharian masyarakat khususnya pelajar dan guru sekolah menengah di Sarawak. Kaedah yang digunakan ialah melalui soal selidik dengan melihat kadar pembacaan buku-buku sastera terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, pemahaman responden terhadap peranan dan fungsi sastera, keberkesanannya kurikulum sastera di sekolah serta jumlah buku sastera yang terjual berbanding buku bidang lain. Kajian ini mendapati kefahaman, keyakinan dan kesedaran pelajar dan guru sekolah menengah di Sarawak terhadap peranan, fungsi serta kepentingan sastera adalah amat positif. Bagaimanapun, tahap pembacaan mereka terhadap buku-buku sastera masih rendah. Ini memerlukan beberapa tindakan konkret bagi membina sikap suka membaca bahan-bahan sastera di kalangan masyarakat. Kedudukan buku sastera terbitan DBP juga didapati lebih baik berbanding buku bukan sastera.

Abstract

The community's interest towards literature is seen to be on the decline. Neither do they seem to understand nor appreciate the significance of literature in molding the ways of thoughts of the people. This is due to the ever increasing cost of living, wide range of entertainment media and the government policy. The role and significance of literature no longer becomes predominant. Thus this study aims at reassessing the status of literature in the daily life of the community, especially the students and teachers of secondary schools in Sarawak. The methods being applied are through questionnaires focusing on the statistics on the reading of literary books published by Dewan Bahasa dan Pustaka, Sarawak Branch, the respondents' knowledge on the role and significance of literature, the effectiveness of literature as a curriculum in schools and finally the number of literary books being sold in comparison to other categories. Findings of this study shows a positif trend in the understanding, confidence and awareness of the secondary schools' students and teachers on the role and significance of literature. However the level of reading of literary books are still low. Concrete measures are required to instill the lack of reading of literary books among the community. In comparison, the literary books published by DBP surpassed other nonliterary books in term of standard.

DEDIKASI

UNTUK

AZRINA HASHIM
MUHAMMAD AZIM
MUHAMMAD ASIF
MASYITAH

Kalian adalah sumber
segala usahaku

PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan dan terima kasih khas untuk Encik Mohamad Saleeh Rahamad selaku penyelia bagi disertasi ini atas segala tunjuk ajar, teguran serta kesudian beliau melapangkan masa untuk membaca, menyemak dan memberikan pandangan dan cadangan dalam penyediaan penulisan disertasi ini.

Sekalung penghargaan juga kepada Y. Bhg. Dato' Dr. Abdul Latif Abu Bakar, Ketua Jabatan Pengajian Media yang banyak membantu urusan kemasukan saya sebagai pelajar di Universiti Melaya.

Rakaman terima kasih turut ditujukan khas kepada Tuan Haji Khalid Haji Ahmad mantan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak yang telah memberi sokongan padu serta dorongan untuk saya meneruskan pengajian di peringkat sarjana ini.

Seluhur terima kasih istimewa untuk Tuan Haji A. Aziz Draman, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia yang memberi restu serta peluang untuk saya menyambung pengajian ini. Dorongan kalian adalah sumber kekuatan untuk saya menyiapkan disertasi ini.

Tidak lupa rasa terima kasih diluluhkan kepada semua pengetua sekolah, guru dan pelajar yang terlibat dalam kajian ini. Ucapan terima kasih juga untuk Pengarah, serta seluruh kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak yang banyak menyokong saya selama ini.

Istimewa untuk Puan Zarina binti Zainal Abidin terima kasih atas kesudian dan penat lelah anda membantu menaip, mengedit dan memberitahu kesalahan teknikal disertasi ini.

Terima Kasih Untuk Semua

Hazami Jahari
Jabatan Pengajian Media
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
Mac 2001.

SENARAI SINGKATAN

ABM	-	Anggaran Belanjawan Mengurus
AKAL	-	Angkatan Karyawan Limbang
ANGKAT	-	Angkatan Karyawan Kawasan Tengah
ANNSAR	-	Angkatan Sasterawan Sarawak
ASNS	-	Anugerah Sastera Negeri Sarawak
BENAK	-	Angkatan Nahdatul Karyawan Bersatu
CRC	-	Camera Ready Copy (Naskhah Sedia Kamera)
CIP	-	Catalogue in Publishing (Data Katalog Penerbitan)
DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
GAPENA	-	Gabungan Persatuan Penulis Nasional
GPPS	-	Gabungan Persatuan Penulis Sarawak
ISBN	-	International Serial Book Number
JKP	-	Jawatankuasa Penerbitan
JKE	-	Jawatankuasa Editorial
KK	-	Klasifikasi
MPSI	-	Maktab Perguruan Sultan Idris
MPBL	-	Maktab Perguruan Batu Lintang
PASPAM	-	Persaudaraan Sahabat Pena
PEBAS	-	Persatuan Bahasa dan Sastera Sarawak
PUTERA	-	Persatuan Penulis Utara Sarawak
SIG	-	Sistem Inventori Galeri
UBM	-	Unit Bahasa Malaysia
UNIMAS	-	Universiti Malaysia Sarawak

SENARAI JADUAL

- 2.3.1 Penerbitan Buku BLB mengikut Bahasa 1960-1976.
- 2.7.1 Penerbitan Buku BLB mengikut Bahasa 1960-1976.
- 2.7.2 Buku Sastera Dalam Bahasa Melayu Terbitan BLB 1964-1976.
- 2.7.3 Buku umum BLB yang terjual mengikut Bahasa 1964-1976.
- 2.7.4 Buku Umum dalam Bahasa Melayu dan Buku Sastera Terbitan BLB yang terjual 1964-1975.
- 2.7.5 Sumber Judul Buku Terbitan DBP Sarawak 1988-1998.
- 2.7.6 Buku Terbitan DBP Sarawak mengikut Judul 1988-1998.
- 2.7.7 Cerita Rakyat mengikut kaum Terbitan DBP Sarawak 1988-1988.
- 2.7.8 Buku Sastera Terbitan DBP CSarawak mengikut Genre 1988-1998.
- 2.7.9 Sumber Judul Sastera Terbitan DBP Cawangan 1988 – 1998.
- 2.7.10 Peruntukan Unit Penerbitan untuk Judul Sastera 1993 – 1998.
- 2.7.11 Prestasi Hasil Jualan Buku Pasaran Terbuka DBP Sarawak dalam tempoh 1988 – 1998.

- 3.1 Maklumat Umum Respondan
- 3.2 Pecahan Pelajar Berdasarkan Tingkatan/Tahap
- 3.3 Kategori/Skel Guru-
- 3.4 Sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi yang terlibat Dalam Kajian Mengikut Bahagian.
 - 3.3.1 Pecahan Pelajar mengikut Etnik
 - 3.3.2 Pecahan Bahasa Pengantar mengikut Tahap

- 3.3.3 Aliran yang Diambil oleh Pelajar
 - 3.4.1 Pecahan Guru Berdasarkan Etnik
 - 3.4.2 Pecahan Guru mengikut Umur
 - 3.4.3 Tahap Pendidikan Tertinggi Guru
 - 3.4.4 Bahasa Pengantar Guru semasa di Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan IPT.
 - 3.4.5 Aliran Guru semasa di Sekolah Menengah
 - 3.4.6 Jurusan yang diambil oleh Guru semasa di IPT.
-
- 3.5.1 Kefahaman Guru Terhadap Sastera.
 - 3.5.2 Tahap Pelajar mula mendengar dan mengetahui kesusasteraan Melayu.
 - 3.5.3 Sumber pertama yang memperkenalkan sastera di kalangan pelajar.
 - 3.5.4 Faktor penggalak minat sastera di kalangan pelajar.
 - 3.5.5 Genre yang paling diminati oleh pelajar.
 - 3.5.6 Genre yang mula-mula dibaca oleh pelajar dalam pengalaman sastera
 - 3.5.7 Bahasa karya yang dibaca oleh pelajar hingga sekarang.
-
- 3.6.1 Kefahaman guru terhadap sastera
 - 3.6.2 Tahap guru mula mendengar dan mengetahui tentang sastera.
 - 3.6.3 Sumber awal guru mengetahui dan mendengar tentang sastera.
 - 3.6.4 Faktor penggalak minat sastera guru.
 - 3.6.5 Genre yang paling diminati oleh guru.

- 3.6.6 Genre yang mula-mula dibaca oleh guru dalam pengalaman sastera.
 - 3.6.7 Bahasa karya sastera yang dibaca oleh guru ketika mula-mula mengenali sastera.
 - 3.6.8 Bahasa karya yang dibaca oleh guru hingga sekarang
- 3.7 Novel yang dipilih sebagai sampel kajian.
- 3.7.1 Kadar pembacaan pelajar terhadap novel-novel terbitan DBP Sarawak 1988-1998.
 - 3.7.2 Kadar pembacaan guru terhadap novel-novel terbitan DBP Sarawak 1988-1998.
 - 3.7.3 Baki terakhir novel seperti yang direkodkan pada kad BIN Unit Stor DBP Sarawak.
 - 3.7.4 Novel yang paling seronok dibaca oleh pelajar.
 - 3.7.5 Novel yang paling seronok dibaca oleh guru.
 - 3.7.6 Faktor mengapa pelajar seronok membaca novel terbitan DBP Sarawak 1988-1998.
 - 3.7.7 Faktor mengapa guru seronok membaca novel terbitan DBP Sarawak 1988-1998.
 - 3.7.8 Sebab-sebab pelajar tidak membaca novel terbitan DBP Sarawak 1988-1998.
 - 3.7.9 Sebab-sebab guru tidak membaca novel terbitan DBP Sarawak 1988-1998.
 - 3.7.10 Novel yang menarik dan sesuai dibaca menurut pelajar.
 - 3.7.11 Novel yang menarik dan sesuai dibaca menurut guru.
 - 3.7.12 Rumusan data pembacaan novel terbitan DBP Sarawak 1988-1998 di kalangan pelajar dan guru.
- 3.8.1 Senarai judul antologi cerpen yang menjadi sampel kajian.

- 3.8.2 Kadar pembacaan pelajar terhadap antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998.
 - 3.8.3 Kadar pembacaan guru terhadap antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998.
 - 3.8.4 Baki terakhir antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998.
 - 3.8.5 Keadaan pembacaan cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-19998 di kalangan pelajar.
 - 3.8.6 Keadaan pembacaan cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998 di kalangan guru.
 - 3.8.7 Kadar keseronokan membaca antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-19998 di kalangan pelajar.
 - 3.8.8 Kadar keseronokan membaca antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998 di kalangan guru.
 - 3.8.9 Faktor yang menimbulkan keseronokan membaca antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998 di kalangan pelajar.
 - 3.8.10 Faktor yang menimbulkan keseronokan membaca antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998 di kalangan guru.
 - 3.8.11 Faktor mengapa pelajar tidak membaca antologi cerpen DBP Sarawak 1988-1998.
 - 3.8.12 Faktor mengapa guru tidak membaca antologi cerpen DBP Sarawak 1988-1998.
 - 3.8.13 Ciri-ciri cerpen yang menarik dan sesuai dibaca menurut pelajar.
 - 3.8.14 Ciri-ciri cerpen yang menarik dan sesuai dibaca menurut guru.
 - 3.8.15 Rumusan data pembacaan antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998 di kalangan pelajar dan guru.
-
- 3.9.1 Antologi puisi yang menjadi sampel kajian.

- 3.9.2 Kadar pembacaan antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988-1998 di kalangan pelajar.
 - 3.9.3 Kadar pembacaan antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988-1998 di kalangan guru.
 - 3.9.4 Baki terakhir antologi puisi seperti yang direkodkan pada kad BIN Unit Stor DBP Sarawak.
 - 3.9.5 Antologi puisi yang paling seronok dibaca oleh pelajar.
 - 3.9.6 Antologi puisi yang paling seronok dibaca oleh guru.
 - 3.9.7 Keadaan pembacaan antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988-1998 di kalangan pelajar.
 - 3.9.8 Keadaan pembacaan antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988-1998 di kalangan guru.
 - 3.9.9 Faktor-faktor mengapa pelajar seronok membaca puisi dalam antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988-1998.
 - 3.9.10 Faktor-faktor mengapa guru seronok membaca puisi dalam antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988-1998.
 - 3.9.11 Faktor-faktor mengapa pelajar tidak membaca puisi dalam antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988-1998.
 - 3.9.12 Faktor-faktor mengapa guru tidak membaca puisi dalam antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988-1998.
 - 3.9.13 Ciri-ciri puisi yang menarik dan sesuai dibaca menurut pelajar.
 - 3.9.14 Ciri-ciri puisi yang menarik dan sesuai dibaca menurut guru.
 - 3.9.15 Rumusan data pembacaan antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988-1998 di kalangan pelajar dan guru.
-
- 4.2.1 Faktor-faktor mengapa pelajar membaca karya sastera.

- 4.2.19 Tahap keyakinan guru terhadap peranan dan sumbangan bidang sastera dalam membangunkan negara Malaysia pada masa kini.
- 4.2.20 Cara bagaimana sastera dapat membantu membangunkan negara Malaysia menurut pandangan pelajar
- 4.2.21 Cara bagaimana sastera dapat membantu membangunkan negara Malaysia menurut pandangan guru.
- 4.2.22 Tahap keyakinan pelajar terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sastera di sekolah dalam melahirkan masyarakat meminati sebaik-baiknya..
- 4.2.23 Pendapat pelajar tentang bagaimana sastera sepatutnya diajarkan di sekolah.
- 4.2.24 Pendapat guru tentang bagaimana sastera sepatutnya diajarkan di sekolah
- 4.2.25 Pendapat pelajar tentang keperluan menyemak dan menilai semula sukanan pelajaran sastera yang dilaksanakan di sekolah sekarang.
- 4.2.26 Pendapat guru tentang keperluan menyemak dan menilai semula sukanan pelajaran sastera yang dilaksanakan di sekolah sekarang.
- 4.2.27 Pendapat pelajar tentang taraf pelajar yang mengambil jurusan sastera di sekolah atau IPT adalah lebih rendang berbanding pelajar yang mengambil jurusan sains, perubatan, ekonomi atau undang-undang.
- 4.2.28 Pendapat guru tentang pelajar yang mengambil jurusan sastera adalah lebih mudah berbanding pelajar yang mengambil jurusan sains, perubatan, ekonomi atau undang-undang.
- 4.2.29 Pendapat pelajar tentang sastera membantu urusan atau pekerjaan harian mereka sama ada di rumah atau di pejabat.
- 4.2.30 Pendapat guru tentang sastera membantu urusan atau pekerjaan harian mereka sama ada di rumah atau pejabat.

- 4.3.1 Jumlah koleksi buku-buku terbitan DBP dalam perpustakaan sekolah.
- 4.3.4 Tahap keyakinan guru penyelia perpustakaan sekolahterhadap sambutan pembaca kepada buku-buku sastera terbitan DBP.
- 4.3.5 Faktor-faktor mengapa buku-buku sastera terbitan DBP bermutu dan mendapat sambutan pembaca menurut guru penyelia perpustakaan sekolah.
- 4.3.6 Novel-novel terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998 yang terdapat dalam koleksi perpustakaan sekolah.
- 4.3.7 Antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988- 1998 yang terdapat dalam koleksi perpustakaan sekolah.
- 4.4.1 Pecahan buku bidang lain yang dipilih sebagai sampel kajian perbandingan.
- 4.4.2 Buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak yang terjual dalam tempoh Januari hingga Oktober 2000.
- 4.4.3 Buku bidang lain (bukan sastera) terbitan DBP yang terjual dalam tempoh Januari hingga Oktober 2000.
- 4.4.4 Perbandingan buku terjual antara buku sastera terbitan DBP Sarawak 1988-1998 dengan buku bidang lain (bukan sastera) dalam tempoh Januari hingga Oktober 2000.

PENGENALAN

BUKU-BUKU SASTERA TERBITAN DBP 1988-1998: SAMBUTAN DAN PENERIMAANNYA DI SARAWAK

1. Latar Belakang Kajian

Perkembangan sastera yang agak tersusun di Sarawak sebenarnya dapat dikatakan bermula pada tahun¹ 1870 lagi. Hal ini ditandai dengan terhasilnya buku *Hikayat Panglima Nikosa* karya Ahmad Shawal bin Abdul Hamid. Buku tersebut adalah hasil koleksi Sir Hugh Low yang pernah berkhidmat sebagai setiausaha kerajaan di Labuan selama 29 tahun sebelum menjadi Residen Perak (1877-1889).¹

Penerbitan buku *Hikayat Panglima Nikosa* seperti yang tercatat di dalam buku itu pada 30 Jun 1876 dalam bentuk cap batu merupakan detik penting kepada kegiatan penerbitan buku sastera di Sarawak. Sebab dalam tempoh yang sama kegiatan penerbitan juga giat dilakukan oleh Mission Press di Singapura dan Pulau Pinang.

Berdasarkan kajian Dr. Md. Sidin Ahmad Ishak, usaha penerbitan dan percetakan dikatakan sudah bermula sekitar penghujung 1890-an di Sarawak dengan terdapatnya cawangan Lithographic Press milik seorang yang bernama Bakar di Sarawak. Sejauh mana kegiatannya tidak diketahui dengan jelas.²

¹Hamzah Hamdani “Pemikiran Dalam *Hikayat Panglima Nikosa*”, dlm. *Wajah Sastera Sarawak*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 182.

²Md. Sidin Ahmad Ishak, *Penerbitan dan Percetakan Buku Melayu 1807-1960*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 77.

Walau bagaimanapun seperti yang berlaku di Malaya dan Singapura ketika itu, kebanyakan penerbitan dan percetakan adalah berkaitan dengan penerbitan buku serta risalah tentang agama Kristian. Di samping itu percetakan juga melibatkan dokumen-dokumen kerajaan baik semasa pemerintahan keluarga Brooke (1841-1946) mahupun semasa pemerintahan Inggeris. (1946-1963).

Perkembangan sastera di Sarawak, khususnya dari aspek penerbitan hasil-hasil sastera dilihat dengan jelas semula apabila Muhammad Rakawi Yusuf menghasilkan novel *Melati Sarawak*. Muhammad Rakawi Yusuf sendiri yang mengusahakan penerbitannya melalui Syarikat Putera Sarawak.³ Syarikat ini adalah atas usaha Muhammad Rakawi Yusuf dan beberapa orang rakannya.

Syarikat penerbitan ini ditubuhkan pada tahun 1930. Pencetak novel *Melati Sarawak* ialah The Sarawak Printing Company milik Haji Abdul Rahman seorang peniaga keturunan Minangkabau.

Selain itu Muhammad Rakawi Yusuf juga turut menghasilkan *Hikayat Sarawak*. Buku ini adalah buku sejarah tentang negeri Sarawak diterbitkan pada 1932 dalam dua jilid.⁴ Buku ini berkemungkinan besar juga diterbitkan sendiri oleh pengarangnya.

³Hamzah Hamdani, "Pemikiran Dalam *Hikayat Panglima Nikosa*", hlm. 192.

⁴Ibid., hlm. 193.

Peranan *Fajar Sarawak*, iaitu akhbar berbahasa Melayu yang pertama di Sarawak juga adalah titik tolak yang amat penting dalam perkembangan penerbitan dan penyiaran bahan sastera. Akhbar ini juga adalah atas usaha Muhammad Rakawi Yusuf dengan dibantu oleh Haji Abdul Rahman dan Mohd Johari Anang. Namun dengan usia yang amat singkat iaitu dari Februari hingga Jun 1930, akhbar ini tidak banyak memuatkan bahan sastera. Hanya beberapa puisi dan rencana umum yang dimuatkan sebagai sebahagian isinya.

Selepas tempoh tersebut penerbitan buku sastera terutamanya dalam genre novel tidak diusahakan. Hanya penerbitan dan penyiaran syair dan rencana dalam akhbar *Utusan Sarawak* yang dapat meneruskan kesinambungan penerbitan bahan sastera. Akhbar ini dipimpin oleh Ikhwan Zaini. Antara penulis yang pernah menyumbang dalam akhbar ini ialah Muhammad Bujang yang menggunakan nama pena "Ikhlas". Tempoh hayat *Utusan Sarawak* ialah dari 1949 hingga 1971.

Penerbitan buku sastera di Sarawak mula rancak dengan wujudnya Biro Kesusteraan Borneo (Borneo Literature Bureau) pada 15 September 1959. Di samping menerbitkan buku-buku dalam bahasa Melayu, badan ini juga menerbitkan buku-buku dalam bahasa Iban dan Inggeris.

Pada tahun 1977 DBP Cawangan Sarawak telah ditubuhkan dengan mengambil alih seluruh fungsi dan peranan BLB. Dengan tertubuhnya DBP di Sarawak, kegiatan penerbitan buku-buku sastera khususnya dalam bahasa Melayu menjadi semakin kemas, tersusun dan lebih giat.

Umumnya ada tiga sebab mengapa kepesatan penghasilan dan penerbitan buku-buku sastera di Sarawak semakin meningkat dengan tertubuhnya DBP Cawangan Sarawak. Pertama, dasar DBP yang fungsi utamanya membina dan mengembangkan bahasa Melayu yang antara lain dengan memperbanyak penerbitan buku dalam bahasa Melayu. Kedua, terdapatnya kepakaran khusus pegawai sastera yang bertugas di DBP Cawangan Sarawak. Mereka adalah pegawai dari DBP Kuala Lumpur yang ditugaskan di Sarawak berdasarkan pengalaman dan kepakaran mereka dalam bidang bahasa dan sastera.

Antara pegawai dari DBP Kuala Lumpur yang pernah bertugas di Sarawak yang banyak menyumbang kepada perkembangan bahasa dan sastera ialah Haji Hussain Jamil, Haji Hamdan Yahya, Haji Hamzah Hamdani, Othman Ismail, Ghafar Laili dan Haji Zainal Abidin Zulkifli. Mereka ini adalah tokoh bahasa dan sastera dari DBP yang banyak membantu secara langsung kegiatan bahasa dan sastera.

Ketiga kelahiran penulis tempatan kesan dari kewujudan DBP yang menggalakkan minat bidang sastera. Pada awal 1980-an kegiatan sastera menjadi rancak melalui usaha yang dilakukan oleh Unit Sastera DBP Cawangan Sarawak. Beberapa siri bengkel penulisan kreatif, ceramah sastera, diskusi, pertemuan sastera serta peraduan telah diadakan. Usaha begini memunculkan penulis prolifik seperti Jamilah Morshidi, Jeniri Amir, Zakeria Embi, Majuni Plera, Muhamad Sabili, Jong Chian Lai, Awangku Merali Pangeran Mohamed, Zaini

Ozea, Jeli Bahari Biha, Saiee Driss, Adi Badiozaman Tuah dan lain-lain.

Kemunculan mereka juga bersama karya iaitu dalam novel, puisi dan drama.

Perkembangan sastera di Sarawak yang secara langsung dikaitkan dengan penubuhan Cawangan DBP sejak 1977 turut mempengaruhi jumlah penerbitan buku-buku sastera di negeri ini. Dalam tempoh lebih kurang 21 tahun sejumlah 10 judul buku sastera telah diterbitkan oleh DBP Cawangan Sarawak melalui Unit Penerbitan.

Berdasarkan rekod yang ada, sepuluh tahun terakhir iaitu dari 1988 hingga 1998 merupakan tempoh yang paling banyak buku-buku sastera diterbitkan oleh DBP Cawangan Sarawak. Pecahan khusus senarai judul yang telah diterbitkan adalah seperti berikut; novel (18), cerpen (18), drama (3), puisi (3), cerita rakyat (21) dan kritikan sastera (3). Ini menjadikan jumlah keseluruhan judul buku sastera yang diterbitkan dalam tempoh 1988-1998 ialah sebanyak (66) judul.

Jika prestasi tersebut diambil kira, memang pencapaian DBP Cawangan Sarawak dalam bidang penerbitan buku amatlah rendah. Tetapi hal ini berlaku disebabkan oleh dasar bahawa fungsi penerbitan di DBP Cawangan Sarawak adalah kecil sahaja dan terbatas kepada buku-buku kreatif. Keadaan ini juga dikaitkan dengan kekurangan editor atau pegawai yang terlatih yang khusus bagi menangani penerbitan buku. Kekurangan editor menyebabkan proses penerbitan tidak dapat dilaksanakan secara berkesan. Ini kerana peranan editor amat penting dalam memperolehi dan menentukan manuskrip yang layak untuk diterbitkan. Kajian oleh Coser, Kadushin dan Powel (1982) mendapati editor

diberi kuasa untuk menentukan mana-mana manuskrip yang layak untuk diterbitkan.⁵ Kedua, tumpuan lebih diberikan kepada aspek pembinaan dan pengembangan bahasa dan sastera.

2. Pemilihan Fokus Permasalahan

Setakat ini belum ada kajian yang khusus terhadap buku-buku sastera yang diterbitkan di Sarawak, sama ada yang diterbitkan oleh DBP Cawangan Sarawak mahupun oleh penerbit lain. Malah di Malaysia secara keseluruhannya juga belum terdapat satu kajian yang benar-benar menjurus kepada penerbitan buku-buku sastera terutamanya dari segi pemasaran buku sastera serta sambutan dan kedudukannya dalam masyarakat.

Sambutan dan kedudukan buku-buku sastera yang dimaksudkan di sini ialah dari sudut penerimaan masyarakat serta kepentingannya kepada masyarakat. Apakah buku-buku sastera yang diterbitkan itu mendapat pasaran yang baik dan benar-benar diperlukan oleh masyarakat. Atau buku-buku sastera itu sekadar menjadi bahan bacaan sampingan untuk memenuhi masa lapang.

3. Kajian-kajian Terdahulu dan Dapatannya

Beberapa kajian sebelum ini lebih banyak melihat penerbitan buku secara umum dengan melihat aspek penerbitan dan pemasaran serta sejarah penerbitan buku di Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian Hamedi Mohd. Adenan, "Penerbitan dan Pemasaran Buku di Malaysia: Tumpuan Kepada

⁵Coser, Kadusin dan Powel, *The Culture and Commerce of Publishing*, Basic Book Inc., New York, 1982, hlm. 23.

Dewan Bahasa dan Pustaka" iaitu Tesis Sarjana Sastera Universiti Malaya, 1991 dapat dianggap sebagai kajian yang khusus melihat dasar, kaedah, masalah dan perkembangan penerbitan buku oleh DBP.

Kajian ini melihat secara mendalam dasar penerbitan yang diamalkan oleh DBP sebagai sebuah agensi kerajaan dalam menerbitkan buku-buku bahasa Melayu. Di samping itu kajian turut meninjau proses penerbitan yang bermula dari pembinaan judul hingga kepada tercetaknya judul yang dibina itu. Pada tahap ini seluruh proses dilihat dan dibandingkan dengan penerbit lain secara umum.

Aspek kedua yang dilihat oleh Hamedи Mohd. Adenan dalam kajiannya itu ialah pemasaran buku. Aspek ini melibatkan dasar perniagaan, kaedah pemasaran, keberkesanan pemasaran serta masalah yang dihadapi oleh DBP dalam perniagaan buku. Dalam kajian tersebut Hamedи Mohd. Adenan mendapati kelemahan utama yang berlaku dalam penerbitan dan perniagaan buku yang dijalankan oleh DBP ialah aspek pembinaan judul yang tidak melihat pontensi pasaran terlebih dahulu dan kelemahan pemasaran apabila buku telah siap dicetak. Kedua-dua kelemahan ini berpunca dari masalah dasar penerbitan (iaitu DBP sebagai badan kerajaan) dan juga kaedah kerja yang kurang profesional terutamanya yang melibatkan perniagaan buku. Antara lain kelemahan tersebut melibatkan kekurangan promosi, ketidakcekapan sistem pengedar serta kekurangan pengalaman pekedai dalam perniagaan buku.

Keseluruhan kajian ini hanya ditumpukan kepada aspek yang berkaitan dengan dasar, proses, kaedah dan masalah yang dihadapi oleh DBP dalam

bidang penerbitan dan perniagaan buku di Malaysia. Hamedi Mohd. Adenan tidak menumpukan kajian dari aspek sambutan dan kedudukan buku-buku yang telah diterbitkan oleh DBP secara khusus. Kajian beliau jelas sekali menumpukan aspek proses penerbitan dan juga kaedah perniagaan buku yang diamalkan oleh DBP.

Sementara kajian yang dibuat oleh Rasmah Yusof, "Peranan DBP dalam Penerbitan Sastera Remaja" Latihan Ilmiah untuk Sarjana Muda Rancangan Penulisan Kreatif dan Deskriftif, Universiti Malaya 1987 khusus ditumpukan kepada bidang sastera remaja. Ia meneliti usaha-usaha yang berkaitan dengan perancangan, dasar dan penerbitan bahan sastera untuk golongan remaja yang diamalkan oleh DBP. Kajian ini juga tidak melihat secara khusus peranan serta kedudukan buku-buku sastera yang telah diterbitkan oleh DBP kepada masyarakat.

Satu lagi kajian yang berkaitan dengan aspek perniagaan buku yang diamalkan oleh DBP telah dibuat oleh Abang Haliman Abang Julai. Kajian beliau dengan tajuk "The Promotion of Dewan Bahasa dan Pustaka Book: Implementation Undertaken By Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak" adalah latihan ilmiah untuk Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, Institut Teknologi Mara, Cawangan Sarawak, 1997.

Kajian ini langsung melihat aspek pemasaran iaitu promosi buku yang telah dijalankan oleh DBP Cawangan Sarawak. Kajian tersebut mendapati bahawa terdapat kelemahan yang agak ketara dari segi promosi buku yang telah diterbitkan oleh DBP. Kekurangan promosi buku menyebabkan buku-buku DBP

yang terdapat di Sarawak tidak begitu mendapat sambutan pembeli. Dapatan yang terdapat dalam kajian ini juga sebenarnya hampir sama dengan hasil kajian yang telah dibuat oleh Hamedи Mohd. Adenan.

Selain itu Siti Zanariah Ahmad Ishak melalui kajian "Percetakan dan Penerbitan Buku Melayu" iaitu latihan ilmiah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Penulisan Universiti Malaya 1990 turut membuat penelitian umum terhadap bidang penerbitan buku Melayu. Namun kajian tersebut tidak banyak melihat percetakan dan penerbitan buku sastera secara khusus. Malah sambutan dan kedudukan buku-buku yang telah diterbitkan juga tidak ditinjau dalam kajian tersebut.

Kajian khusus tentang penerbitan buku sastera pernah dibuat oleh Tuan Shariff Tuan bagi keperluan latihan ilmiah, Universiti Malaya, 1977. Seperti kebanyakan kajian lain tentang penerbitan, kajian beliau hanya melihat peranan yang dimainkan oleh H.C Muhammad Abdul Rahman dalam menerbitkan buku sastera. Kajian tersebut bertajuk "H.C. Muhammad sebagai Penerbit-penerbit Buku Sastera".

Pengkajian yang agak lengkap tentang bidang penerbitan dan percetakan buku Melayu telah dibuat oleh Dr. Md. Sidin Ahmad Ishak. Kajian ini meliputi sejarah perkembangan bidang penerbitan dan percetakan buku Melayu dalam tempoh 1806-1945. Ini merupakan disertasi beliau untuk peringkat doktor falsafah, Universiti Stirling, 1992.

Seperti kajian terdahulu, Md. Sidin Ahmad Ishak hanya meninjau sejarah perkembangan bidang penerbitan dan percetakan buku-buku Melayu secara

umum. Beliau tidak mengkaji secara khusus penerbitan dan percetakan buku-buku sastera. Malah tempoh yang dikaji oleh beliau ialah pada 1806 hingga 1945 sahaja.

Pengkajian khusus tentang peranan dan kedudukan buku-buku sastera di Sarawak setakat ini memang belum pernah dibuat. Pengkaji lazimnya menjuruskan kajian kepada aspek perkembangan sastera baik sastera moden maupun sastera tradisional. Misalnya kajian peringkat sarjana Muda Fakulti Sains Kemanusiaan dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia 1992 yang dibuat oleh Nora Sahmat. Kajian tersebut adalah tentang "Peranan Puisi Tradisional Sarawak Dalam Masyarakat Melayu: Satu Pengumpulan Kritis di Petra Jaya, Bahagian Kuching dan Simunjan, Bahagian Samarahan, Sarawak". Aspek yang dikaji juga khusus tentang peranan puisi tradisional di Sarawak.

Hazami Jahari untuk keperluan Latihan Ilmiah Sarjana Muda, Jabatan Penulisan, Universiti Malaya, 1992 juga pernah membuat penelitian tentang perkembangan genre novel di Sarawak. Kajian tersebut berjudul "Novel-novel Penulis Sarawak: Satu Pembicaraan Umum". Walaupun dalam kajian ini ada dilihat secara agak detail tentang perkembangan penerbitan novel, namun ia tidak melihat aspek peranan dan kedudukan buku-buku sastera kepada masyarakat. Malah penelitian lebih banyak ditumpukan kepada aspek isi iaitu kekuatan dan keistimewaan novel yang dihasilkan oleh penulis Sarawak.

Dan yang terakhir, Hafizah Iszahanid telah membuat kajian "Peranan Penajaan Dalam Perkembangan Sastera di Sarawak" iaitu tesis Sarjana Muda Seni Gunaan dan kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, 1998. Kajian ini juga

langsung melihat aspek penajaan dalam mengembang dan menggiatkan bidang sastera di Sarawak.

Maka dalam konteks peranan dan kedudukan buku-buku sastera di Sarawak, kajian khusus amat perlu dilakukan. Sebab kajian lain sebelum ini lebih banyak dijuruskan kepada aspek sejarah perkembangan penerbitan dan percetakan secara umum. Kajian tentang peranan dan kedudukan buku yang telah diterbitkan dan amat jarang dilakukan.

Kajian tentang aspek peranan dan kedudukan buku sastera dalam masyarakat amat penting untuk kita menilai sejauh manakah sastera itu, penting dan berguna kepada masyarakat pada hari ini. Apakah sastera itu menjadi satu wadah yang benar-benar berfungsi dalam membentuk minda serta kepribadian manusia.

4. Takrif Konsep

4.1 Buku

Buku seperti yang ditakrifkan oleh UNESCO ialah lembaran-lembaran kertas bercetak yang digabungkan menjadi satu kesatuan bentuk jilidan, mempunyai kulit luar yang biasanya lebih tebal daripada kertas dalam teks dan diedarkan kepada massa.⁶ UNESCO dalam memantapkan lagi takrif buku menambah ciri khusus iaitu buku haruslah mempunyai sekurang-kurangnya 50

⁶Hamed Mohd. Adnan, *Penerbitan dan Pemasaran Buku di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996, hlm. xv.

naskhah yang sama buku dan hendaklah terbuka untuk jualan kepada sesiapa sahaja.

Takrif buku yang diberikan oleh UNESCO akan digunakan sepenuhnya dalam kajian ini. Takrif lain seperti yang diberikan oleh kamus Oxford iaitu a *portable written or printed treatise, filling a number of sheets, fasten together* juga akan digunakan sebagai pelengkap menambah kefahaman terhadap konsep buku.

4.2. Sastera

Istilah “sastera” atau “kesusasteraan” yang dirujuk dalam kajian ini akan menggunakan takrif yang dibuat oleh Kamus Dewan iaitu; *hasil seni (karya tulisan) dalam bentuk prosa atau puisi yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang tertentu.*⁷

Rene Wellek dan Austin Warren memberi takrif sastera berdasarkan sifat-sifat yang ada pada sastera berbanding disiplin-disiplin lain⁸. Takrif yang diberikan oleh mereka juga sebenarnya selari dengan takrif yang terdapat dalam Kamus Dewan iaitu: suatu karya seni sastera bukan suatu bojek yang simple, tetapi merupakan satu organisasi yang teramat rumit, yang mempunyai banyak perhubungan dan makna yang bertingkat-tingkat.

⁷Kamus Dewan, Edisi Ketiga, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 1194.

⁸Rene Wellek dan Austin Warren, *Teori Kesusasteraan* (terjemahan Wong Seng Tong), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 27.

Rene Wellek dan Austin Warren melihat perbezaan sifat-sifat sastera dari sudut bahasa yang tersendiri, bahasa sastera mengandungi banyak unsur kabur, bahasa sastera sarat dengan homonim, serta mempunyai pembahagian-pembahagiaan yang arbitrari dan tidak rasional seperti gender bahasa. Bahasa sastera juga mempunyai aspek ekspresinya, di samping menyampaikan juga nada dan sikap pengarang. Bahkan bahasa sastera juga ingin mempengaruhi sikap pembaca, membujuknya dan akhirnya mengubahnya.⁹

Sifat lain yang turut membezakan sastera dengan disiplin lain ialah unsur fiksyen dan imaginasi. Kenyataan-kenyataan yang terdapat dalam novel, sajak atau drama tidak benar secara lateral: kenyataan-kenyataan itu tidak merupakan pernyataan yang logikal.¹⁰

Rene Wellek dan Austin Warren dalam takrif mereka tidak hanya menerima sastera sebagai hasil atau karya yang bertulis sahaja. Mereka turut memasukkan karya lisan atau sastera lisan sebagai komponen dalam takrif kesusasteraan, namun kajian ini akan menjurus kepada sastera bertulis sahaja.

Satu lagi takrif yang dikemukakan oleh Terry Eagleton juga memberi cakupan konsep yang hampir sama iaitu "kesusasteraan dalam erti suatu kumpulan karya yang mempunyai nilai-nilai terjamin dan kekal dibezakan oleh beberapa sifat asli serta sepunya, tidak wujud."

Ternyata takrif tersebut turut menekankan sifat-sifat khusus sastera seperti yang dinyatakan oleh Rene Wellek dan Austin Warren. Namun Terry Eagleton hanya menyebut secara umum sifat-sifat sastera sebagai mempunyai

⁹*Ibid.*, 20-21.

¹⁰*Ibid.*, hlm. 24.

nilai, sifat aslinya dan tidak wujud iaitu kebenaran dalam sastera adalah tidak sama dengan kebenaran (realiti) kehidupan sebenar. Dapat difahami bahawa sifat khusus sastera ialah bahasa yang tersendiri, memiliki unsur kreatif dan imaginatif dan bertujuan mempengaruhi pembaca.

Secara tuntas kita tidak akan dapat menemui satu takrif yang benar-benar lengkap tentang sastera. Hal ini turut diakui oleh A. Teeuw yang antara lain menyatakan;¹¹

ilmu sastera menunjukkan keistimewaan barangkali juga keanehan yang mungkin tidak dapat kita lihat pada banyak cabang ilmu pengetahuan lain; iaitu bahawa objek utama penelitiannya tidak tentu, malahan tidak keruan. Sampai sekarang belum ada seorang pun yang berhasil memberi jawaban yang jelas atas pertanyaan pertama dan paling hakiki, yang mahu tidak mahu harus diajukan oleh ilmu sastera: apakah sastera?

4.3. Buku Sastera

Buku sastera yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah karya-karya sastera yang telah diterbit dalam bentuk buku mengikut takrif yang diberikan oleh UNESCO. Karya-karya tersebut adalah berbentuk kreatif yang terdiri daripada genre novel, cerpen dan puisi. Buku yang memuatkan genre drama dan kritikan sastera adalah termasuk dalam takrif buku sastera tetapi tidak akan diteliti secara khusus dalam kajian ini. Buku drama dan buku kritikan sastera hanya

¹¹Terry Eagleton, *Teori Kesusteraan: Satu Pengenalan* (terjemahan Muhammad Hj. Salleh), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 12.

akan disentuh secara sekali-sekala berdasarkan keperluan dan kaitannya dengan keseluruhan kajian.

4.4. Terbitan DBP Sarawak

Kesemua buku sastera yang dikaji ialah buku-buku yang diterbitkan oleh DBP Sarawak. Penerbitan buku sastera oleh DBP Sarawak bermaksud buku-buku berkenaan diusahakan secara langsung penerbitannya oleh Unit Penerbitan DBP Sarawak. Bermula dengan merancang judul, mencari penulis, mendapatkan manuskrip, menyunting manuskrip, pracetak, mencetak dan mengedar dilakukan kesemuanya oleh DBP Cawangan Sarawak.

Pada setiap buku berkenaan iaitu di halaman hakcipta akan tercatat kenyataan:

Buku ini diusahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, Jalan Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.

Buku sastera terbitan DBP Sarawak tidak tertakluk hanya kepada karya penulis Sarawak yang dibukukan malah kepada karya penulis luar Sarawak yang telah dibukukan oleh DBP Sarawak. Ini bermaksud buku-buku sastera yang dikaji kesemuanya ialah buku-buku yang diterbitkan oleh DBP Sarawak tanpa mengira siapa pengarangnya.

4.5. Penerimaan/ sambutan

Penerimaan atau sambutan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pembacaan atau kadar baca responden terhadap buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak. Bagi mengukur sejauh mana buku-buku sastera mendapat sambutan, pengkaji akan menggunakan kaedah melihat kadar baca responden terhadap buku-buku berkenaan. Penerimaan dianggap baik jika kadar bacaan terhadap buku tersebut adalah tinggi. Sebaliknya penerimaan dianggap tidak baik jika kadar bacaan responden terhadap buku tersebut adalah rendah.

Penerimaan juga akan diukur melalui kefahaman dan keyakinan responden terhadap bidang sastera secara umum. Penerimaan sambutan responden dianggap baik terhadap buku-buku sastera tersebut apabila kefahaman dan keyakinan responden terhadap sastera juga positif. Dikatakan positif apabila responden memahami fungsi, peranan dan kepentingan sastera secara jelas dan memuaskan.

Sebaliknya potensi penerimaan responden dianggap tidak baik apabila kefahaman dan keyakinan responden terhadap bidang sastera adalah negatif. Dikatakan negatif apabila responden tidak begitu memahami peranan, fungsi dan kepentingan sastera.

Keyakinan responden terhadap keperluan dan kegunaan sastera dalam kehidupan harian mereka juga akan dijadikan pengukur kepada penerimaan responden terhadap buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak. Responden akan diuji dengan beberapa soalan bagi melihat sejauh mana keyakinan mereka terhadap keperluan dan kegunaan sastera. Jika responden menunjukkan

keyakinan yang tinggi terhadap kegunaan dan keperluan sastera dalam kehidupan harian bermakna sambutan mereka terhadap buku-buku sastera juga berpotensi untuk dikatakan baik. Sebaliknya jika keyakinan responden adalah sederhana atau rendah terhadap kegunaan dan keperluan sastera dalam kehidupan harian mereka bermakna penerimaan mereka terhadap buku-buku sastera juga tidak dianggap berpotensi baik.

Dengan kata lain, maksud penerimaan atau sambutan dalam konteks kajian ini ialah sejauh manakah kadar pembacaan buku-buku sastera, kefahaman dan keyakinan responden terhadap kegunaan serta keperluan sastera dalam kehidupan harian mereka. Maka penerimaan terhadap buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak dianggap baik apabila kadar bacaan yang tinggi serta kefahaman dan keyakinan responden juga adalah positif terhadap sastera.

4.6. Kedudukan

Kedudukan yang dimaksudkan dalam kajian ini pula adalah berkaitan tahap buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak berbanding buku-buku bidang lain. Tiga kaedah digunakan bagi mengukur kedudukan buku-buku tersebut iaitu:

- i. Pandangan atau pendapat responden terhadap buku sastera terbitan DBP Sarawak.
- ii. Maklumat jumlah buku dan respon pengguna terhadap buku-buku sastera terbitan DBP di perpustakaan sekolah.
- iii. Jumlah buku sastera terbitan DBP Sarawak yang terjual berbanding buku-buku bidang lain.

Kedudukan buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak akan diukur melalui pandangan mereka terhadap kemampuan dan keupayaan bidang sastera membina sikap, keperibadian serta akhlak pembaca. Kemampuan tersebut akan dicerminkan melalui kadar bacaan, cara memperoleh buku sastera, keyakinan terhadap kegunaan sastera dan keupayaan sastera dalam menjamin kerjaya responden pada masa depan. Jika keseluruhan jawapan yang diberikan adalah positif maka dapat kedudukan buku sastera adalah dianggap baik.

Kedudukan buku-buku sastera terbitan DBP juga akan diukur melalui jumlah buku sastera terbitan DBP dalam perpustakaan sekolah, respon pengguna terhadap buku DBP di perpustakaan sekolah, permintaan pengguna terhadap buku-buku terbitan DBP dan jumlah buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak dalam perpustakaan sekolah berkenaan. Jika semua jawapan adalah positif, maka dapat dianggap kedudukan buku-buku sastera dapat dianggap baik.

Seterusnya, kedudukan terhadap buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak akan diukur melalui perbandingan jumlah buku tersebut yang terjual dari kedai buku DBP Sarawak dengan jumlah buku-buku bidang lain yang terjual. Jika didapati buku sastera terbitan DBP Sarawak lebih banyak yang terjual maka kedudukan terhadap buku tersebut juga dianggap baik.

Kedudukan dalam maksud yang mudah ialah tahap sebenar buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak berbanding buku-buku bidang lain. Ini dapat

diukur melalui pendapat responden, respon pengguna perpustakaan sekolah serta jumlah buku sastera terbitan DBP Sarawak yang terjual.

5. Matlamat Kajian

Kajian ini pada umumnya adalah untuk mengenal pasti penerimaan dan kedudukan buku-buku sastera terbitan DBP Cawangan Sarawak yang terbit dalam tempoh 1988 – 1998. Secara khusus, kajian ini bermatlamatkan:

- i. Mengenal pasti penerimaan atau sambutan pelajar dan guru sekolah menengah di Sarawak terhadap buku sastera terbitan DBP Sarawak.
- ii. Mengenal pasti kedudukan buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak di kalangan pelajar dan guru sekolah menengah di Sarawak dari sudut pandangan, peranan dan fungsi buku-buku tersebut dalam kehidupan harian.
- iii. Mengenal pasti pasaran buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak berbanding buku-buku dari bidang lain (bukan sastera).
- iv. Mengenal pasti keberkesanan kurikulum pendidikan sastera dalam membantu merangsang dan membina minat berterusan masyarakat terhadap sastera di Sarawak.
- v. Mengemukakan beberapa cadangan bagi meningkatkan minat masyarakat terhadap sastera, melariskan buku-buku sastera terbitan DBP dan menambah keberkesanan kurikulum pendidikan sastera di sekolah.

6. Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting dari sudut mengenal pasti secara empirikal penerimaan dan kedudukan buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak di kalangan pelajar dan guru sekolah menengah di Sarawak. Selanjutnya, data-data yang diperoleh melalui soal selidik dan kajian perpustakaan dalam kajian ini akan dapat digunakan bagi kepentingan perkara berikut iaitu:

- i. Menambahkan minat dan keyakinan masyarakat terhadap peranan dan kepentingan sebenar sastera dalam kehidupan harian mereka.
- ii. Menentukan kecenderungan sebenar masyarakat dalam pembacaan bahan sastera dan seterusnya memupuk budaya membaca di kalangan rakyat Malaysia di peringkat DBP, kajian ini membantu DBP dalam meningkatkan jualan buku-buku sastera yang telah diterbitkan.
- iii. Di Peringkat Kementerian Pendidikan, kajian ini akan membantu menambahkan keberkesanan kurikulum sastera yang dilaksanakan di sekolah dalam membentuk minat berterusan masyarakat terhadap sastera.
- iv. Di Peringkat negara, kajian ini akan membantu memupuk kesedaran masyarakat terhadap budaya ilmu iaitu kecenderungan yang tinggi terhadap pembacaan bahan-bahan sastera yang akhirnya membina masyarakat bermaklumat dan berakhhlak mulia menjelang tahun 2020.

7. Skop Kajian

Skop kajian hanya meliputi buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak. Kajian ini hanya melibatkan buku-buku sastera dalam genre novel, cerpen dan puisi. Pembatasan ini dibuat dengan mengambil kira tiga genre berkenaan dianggap paling popular di kalangan khalayak sastera.

Buku-buku sastera yang dikaji pula adalah buku yang telah diterbitkan dalam tempoh 1988 hingga 1998. Tempoh ini dipilih kerana mengambil kira bahawa jangka waktu tersebut merupakan tahap yang amat memberangsangkan dari segi jumlah buku-buku sastera yang telah diterbitkan oleh DBP Cawangan Sarawak. Kedua tempoh tersebut juga dilihat sebagai tahap bidang sastera di Sarawak begitu berkembang baik dari segi kegiatan bersastera mahupun sokongan kerajaan dan sambutan para penulis iaitu sepuluh tahun selepas DBP Cawangan Sarawak ditubuhkan di negeri Sarawak.

Responden yang dipilih dalam kajian ini pelajar sekolah menengah atas iaitu pelajar Tingkatan 4, Tingkatan 5, Tingkatan 6 Rendah dan Tingkatan 6 Atas. Pelajar institut pengajian tinggi (IPT) juga dijadikan sumber kajian iaitu pelajar dari Maktab Perguruan Batu Lintang Kuching (MPBL) dan pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Responden juga dipilih daripada kalangan guru yang mengajar di sekolah menengah di Sarawak.

Pelajar dan guru yang terlibat dalam kajian ini dipilih daripada sekolah menengah di bandar utama di Sarawak iaitu *Kuching, Sibu, Bintulu, Miri dan Samarahan*.

Secara khusus kajian ini akan melihat kemungkinan yang berikut:

- i. Mengkaji penerimaan atau sambutan pelajar dan guru sekolah menengah di Sarawak terhadap buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak.
- ii. Mengkaji kedudukan buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak 1988-1998 di kalangan pelajar dan guru sekolah menengah dari sudut pandangan, peranan dan fungsi buku tersebut dalam kehidupan harian.
- iii. Mengkaji pasaran buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak berbanding buku-buku bidang lain di Sarawak.
- iv. Mengkaji keberkesanannya kurikulum sastera yang dilaksanakan di sekolah menengah dalam membantu merangsang dan memupuk minat berterusan pelajar dan guru terhadap bidang sastera di Sarawak.

8. **Kaedah Kajian**

Kaedah yang akan digunakan dalam kajian ini ialah melalui kajian lapangan iaitu:

- i. Pengumpulan data melalui borang soal selidik yang akan diberikan kepada responden.
- ii. Pengumpulan data/maklumat melalui temuduga terhadap individu atau pihak tertentu yang berkaitan dengan subjek kajian.

Selain itu kajian ini juga akan turut menggunakan kaedah kajian perpustakaan untuk menambah dan melengkapkan hasil kajian. Keseluruhan dapatan kajian akan dirumuskan menggunakan kaedah statistik. Data-data

kajian yang diperolehi melalui jawapan yang diberikan oleh responden dalam borang soal selidik akan ditentukan serta dirumus dalam bentuk "Peratusan"

Peratusan yang tinggi bagi sesuatu perkara akan menunjukkan kecenderungan yang tinggi oleh responden terhadap perkara tersebut. Peratusan yang rendah bagi sesuatu perkara pula akan menunjukkan kecenderungan responden yang rendah bagi perkara tersebut.

Data-data yang diperolehi akan dibuat huraian oleh pengkaji serta dibuat rumusan. Untuk memudahkan pemahaman, data tersebut juga akan dipersembahkan menggunakan carta pai, carta bar dan jadual. Melalui cara ini diharapkan kajian ini akan dapat difahami, diteliti serta menepati kehendak sebenar tujuan penyelidikan ini dilakukan.

9. Pembahagian Bab

Kajian ini akan terbahagi kepada lima (5) bab iaitu:

i. Bab Satu

Sejarah Perkembangan Sastera di Sarawak

Bab ini akan membincangkan sejarah dan latar belakang perkembangan sastera di Sarawak bermula pada tahun 1870 hingga 1998. Di samping itu faktor-faktor perkembangan sastera juga akan dikemukakan dalam bab ini.

ii. Bab Dua

DBP Sarawak Sebagai Penerbit Buku Sastera di Sarawak

Bab ini akan membincangkan latar belakang perkembangan penerbitan buku sastera di Sarawak. Perbincangan melihat peranan persatuan penulis, individu swasta dan kerajaan dalam penerbitan buku sastera di Sarawak. Tumpuan utama dalam bab ini ialah berkaitan usaha-usaha serta peranan DBP Sarawak dalam penerbitan buku sastera. Usaha perniagaan dan pemasaran buku-buku sastera oleh DBP Sarawak juga akan dikaji dalam bab ini.

iii. Bab Tiga

Penerimaan Pelajar dan Guru Sekolah Menengah di Sarawak Terhadap Buku-buku Sastera Terbitan DBP Sarawak 1988-1998

Bab ini akan membincangkan hasil dapatan daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada responden. Perbincangan berkaitan latar belakang responden, pengalaman sastera responden, kadar baca responden terhadap buku sastera berdasarkan genre. Bahagian bab ini akan dibuat rumusan tentang pelajar pelajar dan guru terhadap buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak.

iv. Bab Empat

Kedudukan Buku-buku Sastera Terbitan DBP Sarawak 1988-1998

Bab ini akan membincangkan hasil dapatan daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden. Perbincangan khusus tentang kedudukan buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak di kalangan pelajar dan guru. Dapatan daripada borang soal selidik terhadap perpustakaan sekolah dan data hasil jualan buku daripada Unit Perniagaan DBP Sarawak juga akan digunakan. Pada akhir bab rumusan tentang kedudukan buku-buku sastera terbitan di DBP Sarawak akan dibuat.

v. Bab Lima

Kesimpulan dan Penutup

Bab ini akan merumuskan hasil kajian yang telah dibuat dalam bab-bab terdahulu. Rumusan mencakupi penerimaan pelajar dan guru sekolah menengah terhadap buku sastera terbitan DBP Sarawak 1988- 1998 serta kedudukan buku-buku sastera tersebut. Pada akhir bab, beberapa cadangan akan dikemukakan bagi mengatasi beberapa masalah yang timbul berkaitan sambutan dan kedudukan buku-buku sastera di Sarawak.

10. Kesukaran Kajian

Perkara pokok yang menjadi masalah pada peringkat awal kajian ini ialah tentang kaedah atau cara mengukur “penerimaan” dan “kedudukan” pembaca terhadap buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak 1988-1998. Sambutan dan penerimaan adalah suatu perkara yang agak subjektif untuk dinilai dan ditentukan.

Bagi mengukur sambutan penerimaan atau pembaca terhadap buku-buku sastera pengkaji menggunakan beberapa ukuran atau kaedah iaitu:

- i. Jumlah buku yang dibaca
- ii. Cara atau tahap bacaan (selesai atau tidak sesuai bacaan)
- iii. Sebab-sebab membaca dan tidak membaca
- iv. Jenis karya yang paling diminati
- v. Pengalaman sastera responden

Bagi mengukur kedudukan buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak pula, pengkaji menggunakan ukuran atau kaedah berikut:

- i. Meninjau pendapat responden tentang kefahaman dan keyakinan mereka terhadap buku-buku sastera.
- ii. Meninjau respon pengguna perpustakaan sekolah terhadap buku-buku sastera terbitan DBP.
- iii. Mengkaji dan membandingkan hasil jualan sebenar buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak dengan buku-buku bidang lain (bukan sastera) dari Unit Perniagaan DBP Sarawak.

Melalui ukuran atau kaedah tersebut pengkaji cukup yakin penerimaan atau kedudukan pembaca akan dapat dinilai dan ditentukan. Ini kerana pengkaji

menggabungkan data konkret (hasil jualan sebenar buku) dengan data padangan langsung responden serta tinjauan di perpustakaan sekolah.

KANDUNGAN

Muka Surat

Abstrak	ii
Dedikasi	iv
Penghargaan	v
Senarai Singkatan	vi
Senarai Jadual	vii
Pengenalan	xiv
1. Latar Belakang Kajian	xiv
2. Pemilihan Fokus Permasalahan	xix
3. Kajian-Kajian Terdahulu dan Dapatannya	xix
4. Takrif Konsep	
4.1 Buku	xxiv
4.2 Sastera	xxv
4.3 Buku Sastera	xxvii
4.4 Terbitan DBP Sarawak	xxviii
4.5 Penerimaan	xxix
4.6 Kedudukan	xxx
5. Matlamat Kajian	xxxii
6. Kepentingan Kajian	xxxiii
7. Skop Kajian	xxxiv

8.	Kaedah Kajian	xxxv
9.	Pembahagian Bab	xxxvi
10.	Kesukaran Kajian	xxxviii
KANDUNGAN		xxxix
BAB 1		
1. SEJARAH PERKEMBANGAN SASTERA DI SARAWAK		
1.1	Pengenalan	1
1.2	Perkembangan Sastera di Sarawak 1876 – 1929	1
1.3	Perkembangan Sastera di Sarawak 1930 – 1959	7
1.4	Perkembangan Sastera di Sarawak 1960 – 1976	23
1.5	Perkembangan Sastera di Sarawak 1977 – 1998	44
1.6	Faktor-faktor Perkembangan Sastera di Sarawak	54
1.6.1	Semangat Nasionalisme dan Keagamaan	54
1.6.2	Perkembangan Pendidikan	62
1.6.3	Penubuhan Badan atau Agensi Khusus Menangani Hal-hal Kebahasaan dan Kesusasteraan	68
1.6.4	Sokongan dan Galakan Kerajaan	73
1.6.5	Peranan Persatuan Penulis	78

BAB 2

2. DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SARAWAK SEBAGAI PENERBIT BUKU SASTERA

2.1	Pengenalan	90
2.2	Kepentingan Penerbitan Buku	90
2.3	Penerbitan Buku Sastera di Sarawak	95
2.4	Penerbitan Buku oleh Persatuan Penulis	101
2.5	Penerbitan Buku oleh Individu dan Swasta	102
2.6	Penerbit Swasta	103
2.7	Penerbit Kerajaan	104
2.8	Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan sebagai Penerbit Buku di Sarawak	104
2.8.1	Penerbitan Buku DBP Cawangan Sarawak	108
2.8.2	Unit Penerbitan	110
2.8.3	Proses Kerja Penerbitan Buku DBP Cawangan Sarawak	114
2.8.4	Peringkat Perolehan Manuskrip	115
2.8.5	Peringkat Pra Cetak	118
2.8.6	Peringkat Cetak	119
2.8.7	Buku Sastera DBP Cawangan Sarawak	120

2.8.8 Penerbitan Buku Sastera sebagai Pemupuk Kecintaan Masyarakat kepada Kesusasteraan Kebangsaan	122
2.8.9 Penerbitan Buku Sastera Menambah Khazanah Sastera	123
2.8.10 Penerbitan Buku Sastera Menyokong Pembinaan Penulis	124
2.8.11 Genre Sastera yang Diterbitkan	125
2.8.12 Sumber Judul Sastera	127
2.8.13 Faktor yang Mempengaruhi Perancangan Judul Sastera	130
2.8.14 Peruntukan Tahunan yang Terhad	130
2.8.15 Proses Penerbitan Judul Sastera	131
2.8.16 Karenah Birokrasi	132
2.8.17 Kekurangan Tenaga Kerja di Unit Penerbitan	133
2.8.18 Perniagaan Buku DBP Cawangan Sarawak	135
2.8.19 Unit Perniagaan	137
2.8.20 Projek-Projek Unit Perniagaan	138
2.8.21 Promosi	139
2.8.22 Pemasaran dan Jualan Buku	142
2.8.23 Lawatan Khidmat Pelanggan	146
2.8.24 Stor dan Pengedaran	147
2.8.25 Penyelidikan dan Pembangunan Pemasaran	148

2.8.26 Pemasaran Buku Sastera	149
2.8.27 Prestasi Unit Perniagaan	150

BAB 3

3. PENERIMAAN TERHADAP BUKU SASTERA TERBITAN DBP SARAWAK

3.1 Pengenalan	152
3.2 Tujuan	155
3.3 Profil Pelajar	156
3.4 Profil Guru	159
3.5 Latar Belakang Pengalaman Sastera Pelajar	164
3.6 Latar Belakang Pengalaman Sastera Guru	171
3.7 Pembacaan Novel-Novel Terbitan DBP Sarawak 1998-1998 di kalangan Pelajar dan Guru	180
3.7.1 Rumusan	204
3.8 Pembacaan Cerpen Terbitan DBP Sarawak 1988-1998 di kalangan Pelajar dan Guru	208
3.8.1 Rumusan	232
3.9 Pembacaan Puisi Terbitan DBP Sarawak 1988-1998 di kalangan Pelajar dan Guru	236
3.9.1 Rumusan	254

BAB 4

4. KEDUDUKAN BUKU SASTERA TERBITAN DBP SARAWAK

4.1	Pengenalan	258
4.2	Peranan dan Kedudukan Buku Sastera di kalangan Pelajar dan Guru	258
	4.2.1 Rumusan	298
4.3	Kedudukan Buku Sastera Terbitan DBP Sarawak di Perpustakaan Sekolah	305
	4.3.1 Rumusan	314
4.4	Perbandingan Jumlah Buku Terjual antara Buku Sastera dengan Buku Bidang Lain di Sarawak	317
	4.4.1 Pengenalan	317
	4.4.2 Jumlah Buku Sastera yang Terjual Sepanjang Tahun 2000	318
	4.4.3 Jumlah Buku Bidang Lain yang Terjual Sepanjang Tahun 2000	321
	4.4.4 Rumusan	324

BAB 5

5. KESIMPULAN DAN PENUTUP

5.	RUMUSAN DAN CADANGAN	326
5.1	Pengenalan	326
5.2	Rumusan Tentang Penerimaan Pelajar dan Guru	

Sekolah Menengah Terhadap Buku-Buku Sastera Terbitan DBP Sarawak 1988-1998	326
5.2.1 Genre Yang Paling Mendapat Sambutan	327
5.2.2 Genre Yang Paling Tidak Mendapat Sambutan	327
5.2.3 Bentuk atau Isi Karya Yang Mendapat Sambutan	327
5.2.4 Bentuk atau Isi Karya Sastera Yang Tidak Mendapat Sambutan	328
5.2.5 Faktor-faktor Karya Sastera Tidak Mendapat Sambutan di Sarawak	329
5.3 Rumusan Tentang Kedudukan Buku-Buku Sastera Terbitan DBP Sarawak 1988-1998	330
5.3.1 Fungsi dan Peranan Sastera Dalam Kehidupan Seharian Pelajar dan Guru	332
5.3.2 Kedudukan Buku Sastera Terbitan DBP Sarawak di Perpustakaan Sekolah	333
5.3.3 Kedudukan Buku Sastera Terbitan DBP Berbanding Buku-Buku Bidang Lain	333
5.4 Pandangan Pelajar dan Guru Terhadap Keberkesanan Kurikulum Sastera Yang Dilaksanakan di Sekolah Menengah	335
5.5 Cadangan	335
5.5.1 Langkah Menyemai dan Memupuk Minat Membaca Karya Sastera di kalangan Masyarakat	336
5.5.2 Langkah Memupuk Minat Masyarakat Terhadap Sastera	336
5.5.3 Langkah Meningkatkan Peranan Sekolah dalam Menggalakkan Minat Membaca Buku/Bahan Sastera	336

5.5.4	Kaedah Memperkenalkan Buku Sastera DBP di kalangan Pelajar dan Guru Sekolah	338
5.5.5	Kaedah Melariskan Jualan Buku Sastera Terbitan DBP	339
5.5.6	Kaedah Menambah Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Menengah	340
6.	Penutup	341
LAMPIRAN		344
BIBLIOGRAFI		391
INDEKS		402